

D800

R B797 BAH
MAHATHIR - DAP

KUALA LUMPUR, 12 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATI SETIAUSAHA AGUNG DAP, ENCIK LIM KIT SIANG, MENARIK DIRI DARIPADA BERTANDING MENCABAR KETUA MENTERI PULAU PINANG, DR LIM CHONG EU, PADA PILIHAN RAYA UMUM INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, SIKAP ENCIK LIM ITU TIDAK DISUKAI OLEH RAKYAT PULAU PINANG KERANA LANGKAH ITU DIBUAT TANPA MENGAMBIL KIRA PANDANGAN MEREKA.

LANGKAH DAP ITU HANYA MEMAKSA RAKYAT DI NEGERI ITU UNTUK MEMBUAT PILIHAN SAMA ADA DR LIM ATAU ENCIK LIM, KATANYA KEPADA PEMBERITA KETIKA MEMBENTANGKAN MANIFESTO BARISAN NASIONAL DI IBU PEJABAT BN, DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

+DULU RAKYAT MEMILIHNYA KERANA RAKYAT YANG SUKA KEPADA DR LIM HANYA HENDAK TURUT MEMBERI PELUANG KEPADA PARTI PEMBANGKANG TETAPI INI TIDAK DISENANGI OLEH ENCIK LIM YANG HANYA MAHU MENGIKUT CARA DIA SAHAJA,+ TAMBAHNYA.

DISEBABKAN ITU, SETIAUSAHA AGUNG DAP ITU TELAH MEMAKSA RAKYAT DI PULAU PINANG SUPAYA MEMBUAT PILIHAN YANG MEREKA TIDAK SUKA TANPA MENGAMBIL KIRA PANDANGAN MEREKA, TAMBAHNYA. -- LAGI

1354MST 12 10 90

D802

R B799 BAH
MAHATHIR - DAP 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI DAKWAAN PEMBANGKANG KONONNYA DR LIM SEBAGAI CALON YANG TIDAK BEGITU BERMINAT UNTUK BERTANDING PADA PILIHAN RAYA UMUM INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, INI MENUNJUKKAN MEREKA TIDAK KENAL SIAPA KETUA MENTERI PULAU PINANG ITU.

KATANYA, DR LIM TIDAK AKAN MELAKUKAN SESUATU PERKARA JIKA BELIAU TIDAK MENYUKAINYA DAN SEBALIKNYA AKAN MELAKUKAN SESUATU PERKARA ITU JIKA BELIAU HENDAK LAKUKANNYA.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BN GEMBIRA MELIHAT CALON-CALONNYA DITENTANG OLEH CALON-CALON PARTI PEMBANGKANG DALAM PILIHAN RAYA UMUM INI.

MENURUTNYA, DENGAN ADANYA PERTANDINGAN, RAKYAT BERPELUANG MEMILIH CALON-CALON YANG MEREKA SUKAI BAGI MEMBENTUK KERAJAAN KERANA JIKA TIADA PERTANDINGAN MEREKA AKAN KEHILANGAN HAK TERSEBUT. --

BERNAMA

1358MST 12 10 90